

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 22/12/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa, Pos Malaysia Sasar Transaksi Perniagaan RM100 Juta Hingga RM150 Juta

Tarikh kemaskini: 22/12/2017



PETALING JAYA, 22 Dis (Bernama) -- Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) dan Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) menyasarkan produk-produk kemudahan kewangan hasil kerjasama kedua belah pihak, mampu menjana transaksi perniagaan antara RM100 juta sehingga RM150 juta, tahun depan.

Produk itu akan ditawarkan secara berperingkat di cawangan-cawangan Pos Malaysia bermula Januari, 2018.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata beliau yakin kadar pertumbuhan transaksi perniagaan itu mencatat sekurang-kurangnya 10 peratus pada tahun-tahun berikutnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia, Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh pula menjangkakan sambutan terhadap produk itu akan meningkat sebaik sistem integrasi berkaitan usaha sama itu dilaksanakan di sebahagian besar cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.

Abdul Fattah dan Mohd Shukrie berkata demikian pada sidang media bersama selepas menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak membabitkan program kewangan itu di sini, hari ini.

"Kami di Angkasa misalnya mempunyai lebih 13,648 koperasi dengan misi untuk memperkasa dan melonjakkan perniagaan, terutama meninjau peluang menerusi Strategi Lautan Biru.

"Menerusinya, koperasi tidak hanya dapat membuka peluang perniagaan baharu tetapi turut mengukuhkan lagi aktiviti perniagaan koperasi agar lebih kompetitif dan dinamik," kata Abdul Fattah.

Mohd Shukrie pula berkata, menerusi program tersebut, anggota koperasi boleh menikmati enam perkhidmatan yang disediakan oleh Pos Malaysia.

Selain pendaftaran ahli koperasi, permohonan produk kewangan dan pembayaran produk pembiayaan, para anggotanya juga berpeluang memasarkan serta mempromosi produk mereka dengan menggunakan ruang di pejabat pos. Mereka juga dapat membeli emas Pos ArRahnu menerusi kemudahan pinjaman koperasi.

"Sehubungan itu, kami di Pos Malaysia melihat kerjasama ini sebagai platform terbaik untuk kedua belah pihak menyahut cabaran kerajaan bagi mengukuhkan sektor ekonomi negara di bawah Strategi Lautan Biru berkenaan," katanya.

Kerjasama antara Pos Malaysia dan Angkasa sudah lama terjalin, termasuk pemeteraian MoU perkhidmatan pengurusan wasiat membabitkan Pos Malaysia dan MyAngkasa Amanah Bhd (MAAB) pada Mac lepas.

Mohd Shukrie berkata Pos Malaysia berjaya menerima pendaftaran sebanyak 494 langganan bagi wasiat manakala 42 bagi hibah.

"Jumlah aset bagi kedua-dua program wasiat dan hibah itu mencecah RM160.8 juta. Oleh itu, saya berharap kerjasama baharu itu akan membawa lebih banyak keputusan positif demi kemajuan bersama perniagaan kami," katanya.

-- BERNAMA